

6- Bab: #Bagaimana Membuka Aurat Pada Ketika Hendak Membuang Air.<sup>92</sup>

dilonggarkan supaya tidak menimbulkan kesulitan dan kesukaran. Arahan agar posisi tempat duduk Baginda s.a.w. di dalam tandas diubah sebagaimana tersebut di dalam hadits riwayat `Irāk adalah bukti yang menunjukkan ia tidak khusus dengan Nabi s.a.w. sahaja. Perbuatan para sahabat seperti Ibnu `Umar juga turut menghilangkan kekeliruan ia khusus untuk Baginda s.a.w.

Soalnya bagaimana pula dengan umat Islam di kemudian hari? Adakah mereka dapat memahami dan menghayati tujuan sebenar Nabi s.a.w. sebagaimana para sahabat dahulu? Jawapan kepada persoalan ini tidak sukar. Bagi mereka yang belum memahami konsep dan hikmah di sebalik larangan dan keharusan di celah-celah sabda Rasulullah s.a.w., penerangan dan pemahaman perlu diberikan dengan secukupnya.

Oleh itu amat sesuai jika qaedah yang diajarkan oleh Nabi s.a.w. itu dilaksanakan semula peringkat demi peringkat. Seeloknya rumah-rumah dan binaan yang dibangunkan disyaratkan ataupun sekurang-kurangnya disyorkan supaya tidak meletakkan posisi tandas menghadap atau membelakangi qiblat. Ini harus disemai supaya tidak timbul anggapan dan lintasan di dalam fikiran, seperti sembahyang dan membuang air sama sahaja posisi dan kedudukan mengadapnya.

Dikhuatiri kelak, ia menyebabkan penghormatan kepada qiblat tidak wujud lagi. Nabi s.a.w. mendidik umatnya supaya menghayati perbezaan dan kelainan seperti ini tidak sekadar di dalam ibadat sahaja, malah mengajarkan umatnya agar membezakan identiti diri umat daripada orang-orang kafir juga supaya budaya, tatacara dan kelakuan mereka tidak diagung-agungkan dan dipandang mulia dan hebat.

Bagaimanapun jika berada di suatu tempat yang tandasnya telah dibina mengadap qiblat, perbuatan menyusahkan diri dengan mencari kawasan yang lain kerana mahu mengelak dari menggunakan tandas seperti itu adalah tidak perlu. Perbuatan Abu Ayyub yang mengelak diri dari menggunakan tandas di Syam merupakan pandangan peribadi beliau. Bukan kesemua sahabat mempunyai sikap dan pandangan yang sama. Sikap Abu Ayyub mungkin didasarkan di atas sikap cermat dan berhati-hati dalam urusan agama. Pendirian sebegini adalah elok tetapi ia harus diiringi dengan kefahaman yang mendalam tentang maksud dan tujuan sebenar sesuatu suruhan atau tegahan agama itu.

<sup>92</sup> Tujuan Imam Abu Daud mengadakan tajuk bab ini ialah untuk menyatakan bagaimana cara mengangkat atau membuka kain ketika hendak membuang air dan bilakah ia dilakukan. Adakah ketika masih berdiri tegak atau ketika hampir duduk? Hadits di bawah bab ini menunjukkan kain hendaklah diangkat apabila seseorang yang hendak membuang air hampir duduk, kerana cara seperti itu lebih menutupinya daripada pandangan orang. Itu adalah salah satu adab membuang air yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. juga.

١٤ - حَدَّثَنَا زُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ رَجُلٍ عَنِ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا أَرَادَ حَاجَةً لَا يَزِقُّهُ ثَوْبُهُ حَتَّى يَذْنُوبَ مِنَ الْأَرْضِ.

قَالَ أَبُو دَاوُدَ رَوَاهُ عَبْدُ السَّلَامِ بْنُ حَرْبٍ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ وَهُوَ ضَعِيفٌ. قَالَ أَبُو عِيسَى الرَّمْلِيُّ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ الْوَلِيدِ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَوْنٍ أَخْبَرَنَا عَبْدُ السَّلَامِ بِهِ.

14- Zuhair bin Ḥarb<sup>93</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: Wakī' (bin al-Jarrāh) meriwayatkan kepada kami daripada al-A'masy (Sulaiman bin Mihrān) daripada

---

<sup>93</sup> bin Syaddād al-Nasaa'i. Abu Khaitsamah adalah kunyahnya. Beliau adalah pendatang yang menetap di Baghdad. Nama sebenar datuknya ialah Asytāl, setelah diarabkan ia menjadi Syaddād. Zuhair seorang perawi tsiqah lagi teguh (tsabt). Dpd enam orang pengarang kitab-kitab utama hadits hanya Imam Tirmidzi tidak meriwayatkan daripadanya. Imam Muslim mengambil banyak sekali hadits-haditsnya. Di dalam at-Taqrīb Hafizh Ibnu Hajar berkata, "Muslim meriwayatkan lebih seribu haditsnya. Ibnu Abi Syaibah mengambil lebih banyak lagi hadits daripadanya berbanding Muslim, kerana beliau meriwayatkan lebih 1,500 hadits daripada Zuhair. Zuhair meninggal pada tahun 234 Hijrah ketika berumur 74 tahun.

seorang lelaki<sup>94</sup> daripada Ibnī `Umar bahawa Nabi s.a.w. apabila hendak membuang air, tidak mengangkat kainnya sehingga dekat dengan tanah.<sup>95</sup>

<sup>94</sup> Demikianlah tersebut “seorang lelaki” di sini tanpa menyebut namanya. As-Suyuthi di dalam “Mirqāt as-Shu`ūd” menulis, “Kata ad-Dhiyā’ al-Maqdisi: “Sesetengah perawi menyebut namanya (dengan jelas), iaitu al-Qāsim bin Muhammad.” Al-Qāsim bin Muhammad adalah cucu Saiyyidina Abu Bakr as-Shiddīq r.a. Beliau seorang perawi tsiqah, alim, faqih dan imam. Beliau bahkan terbilang salah seorang daripada tujuh orang Fuqaha’ di Maninah. Abu az-Zinād berkata, “Tidak pernah ku lihat seorang yang lebih alim tentang sunnah daripadanya dan tidak pernah juga seorang yang lebih tajam fikirannya daripada beliau.” Yahya bin Sa`id berkata, “Tidak pernah aku dapati siapa pun di Madinah yang lebih dimuliakan daripada daripada al-Qāsim.” Ibnu Hibbaan berkata, “Beliau adalah salah seorang pemimpin di kalangan Tabi`in. Seorang yang paling utama di zaman itu, di segi ilmu, adab dan fiqh.” Al-Qāsim meninggal dunia pada tahun 106 Hijrah.

Al-Baihaqi telah menyebut nama al-Qāsim bin Muhammad dengan jelas ketika meriwayatkan hadits ini. Lihat riwayat al-Baihaqi berkenaan di bawah ini:

٤٦٩- وَأَخْبَرَنَا أَبُو الْخَسَنِ عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْخُسْرُوْجِيُّ أَخْبَرَنَا أَبُو بَكْرِ الْإِسْمَاعِيلِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ مُسْلِمٍ مِنْ أَصْلِ كِتَابِهِ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ أَبِي رَجَاءٍ الْمِصْبِصِيُّ شَيْخٌ جَلِيلٌ حَدَّثَنَا وَكِيعٌ حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ عَنِ الْقَاسِمِ بْنِ مُحَمَّدٍ عَنِ ابْنِ عُمَرَ قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- إِذَا أَرَادَ الْحَاجَةَ تَنَتَّى وَلَا يَرْفَعُ ثِيَابَهُ حَتَّى يَذْنُو مِنَ الْأَرْضِ.

Maka tidak tepatlah orang yang berkata, lelaki yang tidak disebut namanya di dalam riwayat Abu Daud itu ialah Ghiyāts bin Ibrahim, salah seorang perawi dha`if. Orang yang berkata begini sebenarnya terkeliru, kerana nama Ghiyāts inilah yang tersebut di dalam riwayat al-A`masy daripada Anas. Sedangkan ini adalah riwayat al-A`masy daripada Ibnī `Umar.

<sup>95</sup> Tujuannya ialah supaya aurat tidak terdedah kecuali dalam keadaan diperlukan sahaja. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah melarang daripada seseorang itu bertelanjang walaupun ketika bersendirian, dan Baginda bersabda:

قَالَ اللَّهُ أَحَقُّ أَنْ يَسْتَحْيِيَ مِنْهُ النَّاسُ

Bermaksud: Allah lebih patut dimalui oleh manusia (daripada orang-orang lain). (Hadits riwayat at-Tirmidzi, an-Nasaa`i, al-Haakim, al-Baihaqi, at-Thabaraani dan lain-lain).

**Kedudukan hadits ke-14: Dha`if.** Sebab kedha`ifannya ialah kerana adanya seorang perawi mahjul di dalam sanad. Ia disebut seorang lelaki sahaja. Hadits ini diriwayatkan juga oleh at-Tirmidzi, dan al-Baihaqi. Oleh kerana al-Baihaqi telah menyebutkan dengan terang nama lelaki yang tidak disebut namanya di dalam sanad Abu Daud ini, dia ialah al-Qāsim bin Muhammad, dan dia adalah seorang perawi yang tsiqah, alim, faqih, imam, wara` lagi banyak meriwayatkan hadits, maka hadits ini boleh juga dihukum sebagai sahih li ghairihi atau hasan li ghairihi.

**Panduan Dan Pedoman Daripada Hadits:**

Abu Daud berkata: Hadits ini diriwayatkan oleh 'Abdus Salām bin Ḥarb daripada A'masy daripada Anas bin Malik dan ia adalah lemah.<sup>96</sup>

(1) Hadits ini menunjukkan keharusan bertelanjang di tempat yang sunyi kerana sesuatu keperluan. Bagaimanapun tidaklah seseorang itu seharusnya mengangkat kainnya sebelum betul-betul diperlukan.

(2) Ia menunjukkan betapa Rasulullah s.a.w. menjaga auratnya, sehingga pada ketika hendak membuang air pun Baginda tidak mengangkat kainnya sekali gus, malah Baginda mengangkatnya sedikit demi sedikit, apabila duduknya hampir sampai ke tanah, barulah kain diangkat sepenuhnya. Adab ini juga perlu sekali dicontohi sekalian umat Islam.

(3) Melakukan sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. itu ketika hendak membuang air hukumnya adalah mustahab (elok) menurut kesepakatan para 'ulama' (ittifaq 'ulama'). Ia bukan suatu yang wajib. Adakah di tempat tertutup seperti di dalam tandas juga mustahab melakukan begitu? Para 'ulama' bebeda pendapat tentangnya.

<sup>96</sup> Imam Abu Daud berkata begini bukan untuk melemahkan (mendha'ifkan) 'Abdus Salam, kerana 'Abdus Salam adalah seorang perawi hafiz lagi tsiqah, dia pula adalah perawi Sahih Bukhari dan Sahih Muslim, maksud beliau berkata begitu ialah untuk mendha'ifkan saluran riwayat al-A'masy daripada Anas. Kerana al-A'masy tidak mendengar daripada Anas. Kerana itulah apabila Tirmidzi meriwayatkannya, beliau berkata, "secara mursal".

'Abdus Salam bin Ḥarb ini bukan saudara Zuhair bin Ḥarb perawi hadits ke-14 di atas. Susur galur 'Abdus Salam adalah seperti berikut: 'Abdus Salam bin Ḥarb bin Salamah an-Nahdial-Kufi. Kuniahnya ialah Abu Bakr. Beliau seorang perawi tsiqah lagi hafizh. Sementara susur galur Zuhair pula adalah seperti berikut: Zuhair bin Ḥarb bin Syaddād, Abu Khaitsamah al-Nasaa'i. Beliau adalah perawi dari thabaqah ke-10.

Setelah mengemukakan hadits ini Imam at-Tirmidzi berkata, "Demikianlah hadits ini diriwayatkan oleh Muhammad bin Rabī'ah daripada al-A'masy daripada Anas. Wakī' dan al-Ḥimmāni meriwayatkan daripada al-A'masy, kata beliau, kata Ibnu 'Umar, lalu hadits tersebut dikemukakan. Kedua-duanya adalah mursal."

Kesimpulannya menurut Imam Abu Daud ialah sebenarnya terdapat dua riwayat di sini. Pertama, riwayat al-A'masy daripada seorang lelaki daripada Ibnu 'Umar. Keduanya ialah riwayat 'Abdus Salam bin Ḥarb daripada al-A'masy daripada Anas.

Imam Abu Daud mendha'ifkan riwayat Anas bin Malik. Kerana riwayat itu mursal. Sebabnya ialah al-A'masy tidak pernah bertemu dengan Anas dan mana-mana sahabat Rasulullah s.a.w. yang lain, seperti kata Imam at-Tirmidzi. Tetapi beliau (Imam Abu Daud) tidak mendha'ifkan riwayat Ibnu 'Umar. Kerana al-A'masy tidak meriwayatkannya daripada Ibnu 'Umar secara langsung, malah dia meriwayatkannya melalui seorang lelaki daripada Ibnu 'Umar.

Lelaki yang tidak disebut namanya dengan terang dalam sanad itu kiranya seorang yang tsiqah di sisi Imam Abu Daud, kerana itulah beliau tidak mendha'ifkannya. Jika ia seorang yang majhul atau Ghiyāts bin Ibrahim, seorang perawi yang lemah bahkan

٧- بَابُ كَرَاهِيَةِ الْكَلَامِ عِنْدَ الْخَلَاءِ.

7- Bab Larangan Bercakap Ketika Membuang Air.<sup>97</sup>

١٥- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ بْنِ مَيْسَرَةَ حَدَّثَنَا ابْنُ مَهْدِيٍّ حَدَّثَنَا عِكْرِمَةُ بْنُ عَمَّارٍ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ هِلَالِ ابْنِ عِيَّاضٍ قَالَ حَدَّثَنِي أَبُو سَعِيدٍ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : لَا يَخْرُجُ الرَّجُلَانِ يَضْرِيَانِ الْغَائِطَ كَاشِفَيْنِ عَنْ عَوْرَتَيْهِمَا يَتَحَدَّثَانِ فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَمُقْتُ عَلَى ذَلِكَ.  
قال أبو داود هَذَا لَمْ يُسْنِدْهُ إِلَّا عِكْرِمَةُ ابْنُ عَمَّارٍ.

15- Ubaidullah bin Umar bin Maisarah<sup>98</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Mahdi<sup>99</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Ikrimah bin Ammār<sup>100</sup>

menurut sesetengah 'ulama', dia salah seorang pendusta besar, niscaya beliau mendha'ifkannya juga.

Adapun Imam at-Tirmidzi, beliau memang mengemukakan kedua-dua riwayat Anas dan Ibnu 'Umar secara mursal. Kerana itulah beliau kemudiannya berkata, "Kedua-dua hadits itu mursal." Bagi beliau, kedua-dua riwayat itu tidak sahih.

<sup>97</sup> Di dalam sesetengah nuskah tersebut: عند الخلاء. Tajuk bab ini juga dibuat untuk menyatakan adab dan apa yang menyalahi adab ketika membuang air. Bercakap-cakap ketika sedang membuang air tanpa sebarang keperluan atau dalam keadaan dharurat adalah menyalahi adab yang telah diajar oleh Rasulullah s.a.w. Hukumnya ialah makruh tanzihī. Tetapi kalau di samping itu ada pula perbuatan jelik yang lain seperti mendedahkan aurat kepada satu sama lain, maka hukumnya tentulah lebih berat lagi. Ia sama ada haram atau paling ringan pun makruh taḥrīmī.

<sup>98</sup> al-Qawāriri al-Jusyami, maula mereka al-Bashri. Kuniahnya ialah Abu Sa'id. Beliau seorang perawi tsiqah lagi teguh. Meninggal dunia pada tahun 235 Hijrah.

<sup>99</sup> Beliau ialah 'Abdur Rahman bin Mahdi bin Ḥassān al-'Ambari al-Azdi, maula mereka, al-Bashri. Abu Sa'id kuniannya. Beliau seorang imam dan tokoh besar dalam bidang hadits, tsiqah lagi teguh. Imam asy-Syafi'e pernah berkata tentangnya: "Tidak pernah aku tahu ada seseorang yang setara dengannya di dunia ini." 'Abdur Rahman meninggal dunia pada tahun 198 Hijrah ketika berumur 63 tahun.

<sup>100</sup> Abu 'Ammār al-Yamāni al-'Ijli, berasal dari Bashrah. Banyak juga tersalahnya dalam meriwayatkan hadits-hadits. Riwayatnya daripada Yahya bin Abi Katsīr mudhtharib. Ibnu Hibbaan menyenaraikan namanya dalam perawi-perawi tsiqāt. Ad-Daaraquthni, Ya'qub bin Syaibah al-'Ijli dan lain-lain juga mentsiqahkannya. Ibnu Ma'in dan 'Ali bin al-Madīni pula mengatakan: "Ikrimah pada pandangan tokoh-tokoh kita ('ulama' Rijāl hadits) adalah seorang yang tsiqah lagi teguh." 'Ikrimah meninggal dunia di Bashrah pada tahun 159 Hijrah.